

03/12/1998

HIV: Sekolah, NGO boleh bekerjasama

Mohd Fuad Razali

SEKOLAH boleh bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk membantu meningkatkan kesedaran mengenai bahaya jangkitan HIV di kalangan pelajar.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata sekolah boleh berbuat demikian tanpa perlu menunggu arahan daripada Kementerian Pendidikan.

Sehubungan itu, katanya, guru kaunseling yang bertugas di sekolah boleh bekerjasama untuk pertubuhan kerajaan dan bukan kerajaan menjalankan kegiatan pencegahan jangkitan itu di kalangan pelajar.

"Kita memang bersedia dengan mana-mana pihak untuk meningkatkan kesedaran mengenai bahaya jangkitan HIV (di kalangan pelajar) memandangkan pelajar boleh terdedah kepada pelbagai pengaruh di luar kawasan sekolah," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kementerian Pendidikan, semalam.

Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Tan Sri Dr Johari Mat dan Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Dr Abdul Shukor Abdullah.

Sewaktu berucap di majlis penyampaian Anugerah Media Riben Merah, kelmarin, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata penyakit Aids sudah mula merebak sehingga pada masa kini dilaporkan kira-kira 6,000 orang dijangkit HIV setiap hari.

Sementara itu, Pengerusi Yayasan Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir, pula berkata seramai 27,000 rakyat Malaysia ketika ini dilaporkan dijangkiti HIV dan semuanya dijangkiti virus itu ketika masih kecil.

Najib berkata, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan Sosial yang dipengeruskannya mendapati pendekatan masalah sosial di Malaysia ketika ini banyak berkisar pada kaedah ceramah dan khutbah.

Menurutnya, pencegahan dan langkah mengatasi masalah itu mesti dilakukan secara menyeluruh, tidak memberi penekanan kepada satu faktor tertentu sahaja.

Sehubungan itu, katanya, tindakan yang lebih konkrit perlu dilakukan, termasuk membuat tindakan susulan, menyediakan perkhidmatan kaunseling serta mewujudkan lebih banyak tempat bagi membolehkan mangsa jangkitan HIV mengadu.

"Perkara ini memang sudah ada di dalam kurikulum dan diajar di sekolah tetapi kita memerlukan pendekatan yang menyeluruh bukan sahaja di sekolah tetapi juga di luar kawasan sekolah kerana pelajar boleh terdedah kepada pelbagai pengaruh seperti berkawan dengan mereka yang berperilaku tidak baik dan terdedah kepada bahan lucah."

"Selain itu, ketiadaan kawal selia dan kasih sayang di rumah juga boleh menyebabkan tekanan emosi dan psikologi di kalangan remaja (membawa mereka terjerumus dalam masalah sosial)."

"Soal ini bukan sahaja soal ilmu dan pengetahuan, tetapi juga mesti diterangkan mengenai konsep dan cara mendidik anak di rumah serta persekitaran masyarakat," katanya.

Menurutnya, kerajaan bersedia menjadi pemangkin, terutama menyediakan peruntukan kewangan, bagi pertubuhan dan individu yang secara sukarela sanggup untuk melaksanakan pendekatan menyeluruh bagi menangani masalah itu.

Katanya, semangat kesukarelawan adalah penting dalam hal itu kerana menangani gejala sosial tidak boleh diserahkan kepada kerajaan semata-

mata, sebaliknya memerlukan pembabitan semua pihak di dalam masyarakat.
(END)